

MILITAN

Cadangan tubuh mahkamah khas wajar

Cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini, untuk menubuhkan mahkamah khas bagi membicarakan kes dan individu dikaitkan dengan kumpulan militan atau penganas dilihat perlu berdasarkan keadaan semasa yang melihat pengaruh serta ancaman yang datang dari kumpulan radikal, ekstrem dan berbentuk militan kian meningkat terutama pada peringkat antarabangsa.

Tentu ramai mengingati tragedi serangan terhadap orang awam di Perancis yang menubuh lebih seratus orang serta menyebabkan ratusan cedera. Tragedi itu bukan yang hanya berlaku di negara berkenaan dan negara Barat. Terdapat banyak insiden keganasan hampir sama berlaku di seluruh dunia sejak kebelakangan ini.

Pada Jun lalu, ketika umat Is-

lam menjalani ibadah puasa, beberapa siri serangan keganasan disyaki dilakukan militan Negara Islam (IS) di beberapa negara dengan antaranya hampir 40 pelancong terbunuh dalam seran-

“**Penubuhan mahkamah khas itu juga perlu disertakan dengan peraturan dan prosedur jelas bagi memudahkan mahkamah memahami skop serta bidang kuasa dimiliki dan menilai kes dibawa mengikut peraturan dan undang-undang yang jelas**”

ngan nekad di sebuah hotel pelancongan di Sousse, Tunisia. Sebanyak 25 pula terbunuh dalam letupan berani mati di sebuah masjid di ibu negara Kuwait ketika jemaah berkumpul menunaikan solat Jumaat yang turut menyebabkan lebih 200 cedera.

Sambut baik cadangan, segera laksana

Justeru, cadangan penubuhan sebuah mahkamah khas yang akan membicarakan kes khusus berkaitan isu militan, ekstremis serta keganasan melampau yang boleh mengakibatkan kejadian buruk berlaku di dalam masyarakat perlu disambut dengan baik serta dilaksanakan segera.

Berdasarkan statistik, hampir 130 rakyat kita disyaki terbabit dalam kegiatan berunsur militan dan keganasan melampau. Dengan adanya sebuah mahkamah khas, sesuatu kes dapat dibicarakan dengan lebih mudah serta

cepat supaya sebarang bentuk tindakan awal dapat diambil segera bagi mencegah sebarang kejadian buruk.

Penubuhan mahkamah khas juga akan memberi ruang lebih kepada mahkamah menilai serta menganalisa setiap kes dibawa dengan lebih berkesan mengikut segala peruntukan undang-undang dan prosedur sedia ada sebelum membuat sebarang keputusan.

Namun, penubuhan mahkamah khas itu tidak harus dilihat bagi membicarakan kumpulan radikal yang menganas pada peringkat antarabangsa seperti IS sahaja, ia juga perlu diperluaskan bagi membicarakan kes membabitkan semua kumpulan militan dan penganas tempatan seperti kumpulan Al-Ma'udah serta kumpulan penganas yang berada di kawasan sempadan seperti Abu Sayaf yang dilihat sering mengganggu ketenteraman pen-

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

uduk di Sabah.

Penubuhan mahkamah khas itu juga perlu disertakan dengan peraturan dan prosedur jelas bagi memudahkan mahkamah memahami skop serta bidang kuasa dimiliki dan menilai kes dibawa mengikut peraturan dan undang-undang yang jelas.



Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia